

**DIANGGAP SEBAGAI PENGHORMATAN  
KEPADA SELURUH RAKYAT**

**Tahniah**

**pemimpin2 dunia  
kepada Mahathir**

UM 19 JUN 1987

*B. v. v.*

**KUALA LUMPUR 18 Jun — Para pemimpin dunia dan tokoh-tokoh dalam negeri mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berikutan pemilihannya sebagai Presiden Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah yang sedang berlangsung di Vienna, Austria sekarang.**

Presiden Amerika, Ronald Reagan mendahului senarai para pemimpin dunia itu yang telah mengutuskan kawat ucapan tahniah kepada Perdana Menteri sebagai tanda penghormatan di atas pemilihan tersebut, di samping wakil-wakil kerajaan dari Jerman Barat, Finland dan juga Negeri Thai.

Di dalam negeri pula, Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba sendiri mewakili kabinet dan seluruh rakyat Malaysia mengucapkan tahniah di atas pemilihan Datuk Sri Dr. Mahathir itu yang disifatkan oleh mereka sebagai satu penghormatan masyarakat dunia terhadap Malaysia. Tokoh-tokoh politik, para penulis, tokoh-tokoh seni, para pelajar, golongan belia dan juga pergerakan pengguna rata-rata menganggap pemilihan Datuk Sri Dr. Mahathir itu sebagai bukti sokongan, pengiktirafan dan pengesahan dunia terhadap pendirian tegas Malaysia dalam usaha memerangi dan membanteras wabak nasis dadah.

Mereka berpendapat ia bukan sahaja satu penghormatan dunia terhadap Perdana Menteri secara peribadi bahkan juga terhadap seluruh rakyat Malaysia yang telah memberi sumbangan melalui cara masing-masing dalam perjuangan membasmiikan gejala yang mengancam kesejahteraan manusia itu.

Perdana Menteri yang mendapat sokongan kuat dari negara-negara Asia, Afrika, Eropah dan Amerika dipilih memegang jawatan itu setelah diadakan kompromi dengan Menteri Luar Bolivia Dr. Guillermo Bedregal yang mulanya dijadualkan hendak bertanding bagi jawatan berkenaan.

Wakil Utusan, Sidek Salleh melaporkan dari Vienna hari ini bahawa antara kawat ucapan tahniah yang mencurah-curah diterima oleh Perdana Menteri itu datangnya dari Presiden Ronald Reagan sendiri yang mengalu-alukan pemilihan tersebut.

**LIHAT MUKA 6**

## Tahniah pemimpin2 dunia kepada Mahathir

Kawat ucapan tahniah Presiden Reagan itu disampaikan oleh Peguam Negara Amerika, Encik Edwin Meese yang juga ketua perwakilan negara itu ke persidangan tersebut. Ia disampaikan kepada Datuk Sri Dr. Mahathir dalam satu majlis jamuan makan malam meraiikannya malam tadi.

Perdana Menteri juga menerima ucapan tahniah daripada Kerajaan Finland yang disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Sosialnya, **Puan Helena Pesola**.

Dalam ucapannya di persidangan itu Puan Helena berkata: "Bagi pihak Kerajaan Finland, kami mengucapkan tahniah kepada Datuk Sri Dr. Mahathir yang terpilih sebagai presiden untuk mempengerusikan persidangan yang penting ini."

Menteri Persekutuan bagi Belia Jerman barat, **Puan Rita Sussmuth** juga menyampaikan ucapan yang sama semasa Perdana Menteri hadir dipembukaan pameran dadah di gerai negara itu yang diadakan di pusat Vienna sempena persidangan ini.

Timbalan Perdana Menteri Thailand, **Laksamana Sonthi Bunyachaj** yang mengetuai perwakilan negaranya juga telah menghantar kawat yang sama.

Katanya, "pihak kami memang menyokong penuh Datuk Sri Dr. Mahathir dan

Malaysia menjadi presiden persidangan yang boleh membonggakan ASEAN, Asia dan dunia ketiga lain."

Di Kuala Lumpur: Timbalan Perdana Menteri **Encik Ghafar Baba** menghantar kawat tahniah kepada Datuk Sri Dr. Mahathir itu malam tadi bagi pihak jemaah menteri, kerajaan dan rakyat.

Encik Ghafar berkata dalam satu kenyataan hari ini bahawa dalam kawat kepada Perdana Menteri itu, beliau berharap kesempatan berkenaan dapat memberi peluang kepada Malaysia untuk menguatkan lagi usaha menentang penyalahgunaan dadah. Beliau juga mendoakan Perdana Menteri berjaya memimpin persidangan itu. Pengerusi PEMADAM yang baru, **Datuk Megat Junid** pula berkata, beliau merasa sangat bangga kerana Datuk Sri Dr. Mahathir menjadi anak Melayu pertama diberi kepercayaan menjawat jawatan penting di peringkat antarabangsa. "Perlantikan Perdana Menteri ini menunjukkan kejayaan beliau dan kepercayaan dunia kepadanya dalam mengendalikan masalah dadah," katanya. Beliau yang juga Timbalan Menteri Dalam Negeri yakin perlantikan ini akan memudahkan dan melicinkan lagi tugasnya sebagai pengerusi PEMADAM kerana akan mendapat

kerjasama dari pucuk pimpinan jawatankuasa sidang dadah antarabangsa itu. Timbalan Setiausaha Agung DAP, **Encik Lee Lam Thye** berkata seluruh rakyat Malaysia harus sekali merasa bangga dengan pemilihan ini memandangkan ia satu pengesahan dunia terhadap sumbangan Malaysia dalam memerangi najis dadah. Beliau menegaskan seruan Perdana Menteri dalam ucapannya di sidang itu semalam bagi wujudkan satu usaha bersama yang padu untuk memerangi wabak ini adalah satu langkah di jalan yang betul dan harus mendapat sokongan dari masyarakat antarabangsa. Seorang pelajar Maktab Rendah Sains MARA, Balik Pulau, **Adura Nordin**, yang memenangi pingat bistari Public Bank hari ini menganggap pemilihan itu satu tanda penghormatan terhadap kepimpinan Malaysia dari dunia dalam usaha membasmi gejala yang merosak dan meruntuhkan akhlak generasi muda. Seniman dan pengarah filem, **Jins Shamsudin** pula berkata perlantikan Datuk Sri Dr. Mahathir memang sangat wajar kerana beliau yang telah memperjuangkan supaya diadakan sidang khas mengenai dadah di peringkat antarabangsa. Jins yang juga Presiden Persatuan Pengeluar Filem

Malaysia berkata sebagai rakyat Malaysia beliau merasa sangat berbangga dengan pemilihan Perdana Menteri ke jawatan itu.

Setiausaha Satu GAPENA, **Jihati Abadi** berkata semua rakyat Malaysia harus bangga dengan pemilihan ini kerana ia merupakan satu pengiktirafan dunia terhadap kemampuan Malaysia dalam perjuangan menyelamatkan kemanusiaan.

Pengerusi Biro Antarabangsa Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia **Encik Nazri Tan Sri Aziz** merasakan pemilihan Perdana Menteri itu membuktikan dasar luar Malaysia berada di landasan yang betul.

Dramatis **Meor Hashim Manaf** pula menganggapnya satu penghormatan kepada bangsa Melayu dan menunjukkan ketegasan Malaysia telah diterima di mata dunia bahawa dadah ini sangat merbahaya. Presiden Majlis Belia Malaysia, **Hassan Malik** juga merasa sangat gembira dengan pemilihan Perdana Menteri ini dan menyifatkannya satu penghormatan kepada Malaysia dan juga kepimpinan negara ini. Presiden Persatuan Pelajaran dan Penyelidikan Pengguna, **Puan Josie Zaini** turut mengucapkan tahniah dan berharap

Datuk Sri Dr. Mahathir akan menggunakan kedudukannya untuk meminta negara-negara khususnya yang menjadi laluan bagi najis dadah bersama-sama berusaha mengatasi masalah ini. Pengarah Bahagian Hal Ehwal Awam Public Bank, **Senator Dr. Nordin Selat** berpendapat pemilihan ini satu penghormatan dunia atas sikap tegas Malaysia dalam memberantas wabak dadah. Pengurus Besar Karangkraf, **Encik Mohd. Fahim Yaakob** pula menyifatkannya satu langkah yang memberi laluan untuk mencapai matlamat negara untuk memerangi habis-habisan musuh utama negara ini.